

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HSC 232 Tinjauan Sejarah China

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Oleh kerana keadaan kacau-bilau berleluasa pada zaman akhir Chou, zaman itu lebih sesuai dianggap zaman beruntuhan daripada zaman kemajuan". Nilaiikan pandangan ini.
2. "Walaupun penglibatan penuh kerajaan memungkinkan penulisan sejarah di China tradisional menjadi sesuatu yang berterusan dan pasti, ia juga menjadi punca berbagai-bagai masalah daripada sudut pensejarahan". Bincangkan.
3. Di sebalik kerosakan-kerosakan yang disebabkan olehnya, serangan dan penaklukan oleh orang-orang bukan-China telah membawa banyak manfaat kepada China dan kecinaan". Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan ini?
4. "Sistem peperiksaan perkhidmatan awam kerajaan di China tradisional menjamin peluang sama rata kepada setiap orang untuk meningkatkan kedudukan sosialnya. Ia juga menjamin China terus maju dan mampu menghadapi perubahan-perubahan yang melanda".

Nilaiikan pernyataan di atas.

5. "Walaupun wangsa Sui (589-617 TM) singkat usianya, sama seperti wangsa Ch'in (221-206 SM) ia telah memainkan peranan amat penting menentukan corak perkembangan negara dan budaya China dalam zaman selepasnya". Bincangkan.

6. Perihalkan secara ringkas keadaan politik China pada zaman Sung (960-1279 TM) dan nilaikan kepentingan wangsa ini dalam perkembangan sejarah China sebelum abad ke-19.
7. Dengan contoh-contoh yang sesuai bandingkan secara kritis China pada zaman Han dengan China pada zaman Ming.
8. Dengan huraian bincangkan apakah pada pendapat anda penggerak-penggerak utama sejarah China sebelum abad ke-19.

-oooOOOooo-